



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Kepadang 1,
Basco Avenue@Kepadang,
31400 Ipoh, Perak

No.Tel : 605 - 246 2100
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/9/8 (21)
Tarikh : 09 Januari 2025

Semua Pejabat Pemungut
Seliaan JANM Negeri Perak

Ybhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGUNAAN NOMBOR AKAUN TERIMAAN PEJABAT PERAKAUNAN BAGI TERIMAAN
SECARA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2019 dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 12 Tahun 2022 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan yang dikeluarkan pada 15 November 2022 seperti di **Lampiran 1**.
3. Dimaklumkan bahawa, Pejabat Pemungut (PP) perlu **mendapatkan kelulusan dari Jabatan** ini terlebih dahulu sebelum mendedahkan maklumat akaun bank terimaan JANM Negeri Perak kepada pembayar bagi tujuan penerimaan secara EFT. Ini bagi mengelakkan terimaan tersebut tidak dapat dikenal pasti oleh Pejabat Perakaunan kerana tidak menggunakan format ID korporat yang telah ditetapkan. Kegagalan untuk mengenal pasti terimaan juga akan menyebabkan terimaan tersebut gagal untuk diperakaunkan oleh PP dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
4. Sehubungan itu, PP juga dimohon untuk mengemukakan permohonan daripada pembayar kepada Pejabat Perakaunan dengan melengkapkan Borang Permohonan Kelulusan Terimaan Secara Electronic Fund Transfer (EFT) Melalui Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan seperti di **Lampiran 2** terlebih dahulu sebelum melaksanakan transaksi pembayaran.
5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak Ybhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P., C.A.(M), CPA (AUST.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak

E-mel : pneg_prk@anm.gov.my

Tel : 05-2462103